

**MENJANA KEPAKARAN DALAM SENI ANYAMAN
MENGKUANG**



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِٖٓ وَسَلَّمَ

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN DAN
PENGKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**WAN NORLIZA BINTI WAN BAKAR
ROZITA BINTI SHAMSUDDIN
RAJA NORAZILA BINTI RAJA MOHD YUSOF
RAHAIDAH BINTI MUHAMAD**

OKTOBER 2011

Tarikh : 31 OKTOBER 2011

Y.Bhg. Prof. Bakar Majeed

Penolong Naib Canselor

Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

SELANGOR

Y.Bhg. Profesor

PENYERAHAN LAPORAN PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan 4 naskah laporan penyelidikan bertajuk “Menjana Kepakaran Dalam seni Anyaman Mengkuang” oleh sekumpulan penyelidik UiTM Kelantan untuk makluman Y.Bhg. Profesor.

3. Penyerahan laporan penyelidikan ini adalah untuk tujuan pengetahuan dan pengembangan ilmu.

Terima kasih.

Yang benar

(Wan Norliza binti Wan Bakar)

s.k : Prof. Madya Dr. Hj Nik Kamaruzaman Hj Abd Latiff

Timbalan URDC, UiTM Kelantan

PENGHARGAAN

Kami amat bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpahkurnianya kami telah berjaya menyiapkan kajian ini. Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang telah memberi sokongan dan khidmat nasihat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya :

Prof Madya Dr. Haji Shukri Omar
(Rektor UiTM Kelantan)

Dr. Nik Kamaruzaman Haji Abd. Latiff
(Timbalan Rektor URDC, UiTM Kelantan)

Prof Madya Dr. Marzuki Ibrahim
(Pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka)

Pn. Nik Asiah Nik Chik
(Pengajar Seni Anyaman Mengkuang)

Cikgu Haji Ismail Salleh
(Aktivis Seni Anyaman Mengkuang)

dan

Para penganyam mengkuang dari Kampung Bukit Tanah, Pasir Puteh serta rakan-rakan UiTM Kelantan di atas kerjasama yang mereka berikan.

ABSTRAK

Seni anyaman mengkuang merupakan seni warisan tradisi masyarakat Melayu yang bermula sejak zaman neolitik lagi. Warisan ini pada hakikatnya kian mengalami kepupusan kerana lunturnya minat generasi muda dalam bidang ini. Justeru itu, kertas ini ditulis ke arah mengenalpasti susunan pemikiran pakar seni anyaman mengkuang sehingga dapat menghasilkan satu seni anyaman mengkuang yang berkualiti tinggi dan mencari apakah perbezaan yang wujud di antara seorang pakar dan novis dalam penghasilan seni anyaman mengkuang. Satu kajian berbentuk kualitatif dijalankan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan melibatkan temu bual dan pemerhatian terhadap hasil kerja penganyam. Penganalisisan data dibuat berdasarkan data daripada rakaman suara dan hasil kerja responden. Secara keseluruhannya, cara berfikir seorang pakar ialah merancang dengan teliti, mengkaji kebolehlaksanaan dan membuat reka bentuk konseptual. Perbezaan yang terdapat diantara seorang pakar dan seorang novis pula ialah dalam empat aspek iaitu pengetahuan, strategi bekerja, kepimpinan dan kreativiti.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Seni anyaman ialah proses menjalin helaian atau jaluran daun yang telah diproses mengikut disiplin tertentu, daripada tikar kepada dinding pelindung kediaman hasil kerja anyaman membentuk persekitaran hidup yang boleh dilihat dimana-mana. Ini tidaklah menghairankan kerana tumbuh-tumbuhan tropika banyak yang sesuai untuk dijadikan bahan anyaman. Kewujudan seni anyaman mengkuang memang telah diketahui bermula sejak sebelum zaman kemodenan atau pembangunan Malaysia lagi iaitu sejak 300 tahun yang lampau.

Seni anyaman mengkuang ini penuh dengan reka corak yang pelbagai juga dikenali dengan kelarai. Menurut Siti Zainun dalam buku Reka Bentuk Kraftangan Melayu Tradisi mengatakan pada zaman pemerintahan Long Yunus (1756- 1794) di negeri Kelantan, penggunaan anyaman digunakan oleh Raja. Anyaman tersebut dikenali sebagai 'tikar raja' yang diperbuat dari pohon bambu. Seni anyaman ini telah dipelopori oleh kaum hawa yang menjadikan seni ini sebahagian daripada aktiviti untuk dipenuhi selepas waktu musim menuai padi. Manakala kaum lelaki hanyalah menolong menetapkan daun dan memprosesnya. Seni anyaman biasanya dilakukan secara individu dan secara kecil-kecilan sahaja.

Kemahiran asas dalam seni anyaman tidak banyak berbeza, cuma bergantung kepada jenis tumbuhan yang dijadikan bahan anyaman. Diantara tumbuhan yang paling banyak digunakan dalam seni anyaman ialah buluh, mengkuang, rotan, ribu-ribu dan lidi. Perbezaan ciri tumbuhan ini telah menghasilkan pelbagai bentuk dan barangan seni anyaman.

Pelbagai produk anyaman mampu dihasilkan oleh penduduk kampung, antaranya ialah:-

- Anyaman mengkuang - tikar, saji, bekas pakaian.
- Anyaman pandan - tikar sembahyang, hiasan dinding